

Teknik Kardi Dalam Penguasaan Penulisan Bahasa Melayu Sekolah Rendah

Aminah Binti Bujang

Abstrak-Kertas kajian ini menerangkan bagaimana penggunaan kartun lidi melalui teknik KARDI, mampu meningkatkan kebolehan murid-murid dalam menguasai subjek Bahasa Melayu. Data diperolehi melalui borang soal selidik serta ujian bertulis sebelum serta selepas mengamalkan teknik KARDI. Dalam kajian ini, 30 orang pelajar tahun 3 dari Sek Keb Tasik Puteri 2 telah dipilih sebagai responden dan dipilih secara persampelan bertujuan. Objektif kajian adalah 1) Mengetahui persepsi pelajar terhadap pembelajaran penulisan subjek Bahasa Melayu melalui teknik KARDI serta 2) Keberkesanan penggunaan teknik KARDI dalam pembelajaran penulisan Bahasa Melayu. Hasil kajian telah dianalisis dan data telah disediakan dalam bentuk kekerapan dan peratus. Hasil kajian ini membuktikan terdapat perubahan positif pelajar dalam penulisan Bahasa Melayu apabila menggunakan teknik KARDI.

Kata kunci: Bahasa, Pendidikan, Inovasi, Sekolah Rendah, KARDI

I. PENGENALAN

Pada tahun 2011, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mencadangkan penyerapan teknik didik hibur dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Kerajaan berhasrat memperkenalkan teknik didik hibur di sekolah rendah untuk merealisasikan hasrat transformasi pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Teknik didik hibur dalam bilik darjah akan menjadikan proses pembelajaran lebih interaktif serta berpusatkan pelajar. Antara ciri didik hibur dalam pengajaran yang menyeronokkan ialah pengajaran yang ada unsur humor.

Suasana ceria dalam bilik darjah merujuk kepada amalan pembelajaran menyeronokkan daripada guru. Hal ini tidak dapat dinafikan akan peranan guru yang amat penting sebagai individu yang menjadi tunggak, pemangkin dan pencetus dalam proses para pelajar memperoleh ilmu. Kecanggihan teknologi tanpa kehadiran guru, satu kekurangan dalam proses pembelajaran. Dibimbangi pembelajaran yang berlaku mungkin tidak efektif dan di luar kawalan. Guru yang berkebolehan dan berdaya saing akan mewujudkan proses pengajaran dan pembelajaran yang efektif merupakan guru yang cemerlang. Oleh itu, guru-guru perlu sedar kepentingan unsur pembelajaran yang menyeronokkan dalam pengajaran untuk mewujudkan hubungan baik dengan pelajar mereka agar setiap kemahiran yang dipilih dikuasai dan menjadi amalan kepada pelajar-pelajarnya.

Untuk menjadi seorang guru yang pandai mengajar dan menawan hati pelajar amat sukar. Apatah lagi pelajar abad ini yang mempunyai pelbagai kebolehan ekoran daripada pesekitarannya. Walau bagaimanapun keadaan ini dapat

dikekang melalui penggunaan bahan bantu mengajar yang mempunyai unsur pembelajaran yang menyeronokkan seperti kartun. Hal ini dijelaskan oleh Abdul Rasid (2012) bahawa ilustrasi dan lakaran karikatur yang menarik dapat membantu guru menjadikan proses pembelajaran dan pengajaran berlangsung dalam suasana yang menyeronokkan, ceria dan berkesan kepada pelajar.

Kajian ini menumpukan dua objektif utama iaitu, mengenal pasti persepsi pelajar terhadap pelajaran penulisan Bahasa Melayu secara am dan kartun lidi secara khas. Objektif kedua ialah menilai keberkesanan pembelajaran penulisan Bahasa Melayu menggunakan kartun lidi berbanding kaedah tradisional.

II. PERSOALAN KAJIAN

Secara khusus; kajian ini ingin menjawab persoalan seperti berikut:

1. Apakah persepsi pelajar terhadap pembelajaran penulisan Bahasa Melayu melalui kartun lidi?
2. Adakah terdapat perbezaan skor ujian antara pelajar yang diajar dengan menggunakan kaedah pembelajaran kartun lidi dengan pelajar yang menggunakan kaedah tradisional?

III. KAJIAN LITERATUR

Pembelajaran yang menyeronokkan yang mengandungi unsur humor akan menjadikan hasil pembelajaran lebih bermakna di mana guru menggunakan bahasa yang berupaya memahamkan perasaan lucu, penggunaan grafik seperti kartun dan bahasa tubuh yang boleh menimbulkan suasana yang menyeronokkan kepada pelajar. (Yahya, 2012) mengaitkan humor dengan kelucuan yang boleh menyebabkan seseorang menjadi seronok apabila mendengarnya. Pengajaran Bahasa Melayu tidak boleh hanya menekankan kepada isi kandungan semata-mata dan berjalan dalam situasi mendatar. Bahasa perlu diajar dalam suasana yang selesa, tidak menjemukan dan melibatkan semua deria pelajar dan menjelmakan keseronokan. Ini dapat dibuktikan dalam kajian, Shafee et al. (2011) amalan jenaka guru pelatih dapat mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan. Secara tidak langsung dapat membantu pelajar belajar dengan lebih berkesan.

Unsur humor dalam kartun ciptaan kartunis atau ciptaan sendiri mengikut daya imaginasi seseorang mampu menjadikan pengajaran dan pembelajaran bahasa lebih terarah dan disenangi. Pembelajaran menyeronokkan dan bahan bantu mengajar bagaikan melodi dan lagu yang tidak dapat dipisahkan. Kajian oleh Yahya & Dayang Raini (2011) membuktikan pembelajaran pemahaman bacaan berbantuan aplikasi komputer secara interaktif dengan

murid berpencahayaan sederhana berbanding dengan pelajar berpencahayaan sederhana yang mengikuti pembelajaran kaedah tradisional dalam ujian pasca adalah berbeza hasilnya. Jelaslah di sini guru dan teknik pengajaran mampu memberi kesan kepada pembelajaran di bilik darjah.

Unsur didik hibur yang disebar luas peranannya dan diterapkan dalam memartabatkan Bahasa Melayu merupakan agenda bijak daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Fokus pelaksanaan adalah kepada penguasaan kemahiran asas Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar. Antara contoh didik hibur dalam pembelajaran diselitkan unsur jenaka, estetika kesenian, permainan, muzik juga lakonan. (Zaila, 2012) menyatakan guru tidak perlu merasai kebimbangan dalam pengajaran dan pembelajaran yang berkonsepkan santai dan berhibur. Konsep ini memberi peluang kepada pelajar untuk memainkan peranan sepenuhnya (Deen Jack, 2012). Didik hibur ini boleh diwujudkan dalam diri pelajar itu sendiri jika diberi peluang kepada mereka menggunakan deria mereka sepenuhnya dan sebagai tenaga pengajar guru memberi motivasi, tunjuk cara dan menghargai hasil pelajar dengan sepenuh hati. Komen wajar diberi dalam bentuk membina bukan menjatuhkan.

Pemilihan kartun lidi atau KARDI sebagai bahan bantu mengajar sebagai alternatif kajian ini ialah disebabkan kejayaan komik sebagai bahan pembelajaran yang menarik di Jepun dan Korea dalam kajian (Rashiqah, 2010). Kejayaan Jepun dalam menggunakan komik dalam subjek sains, matematik, sejarah dan bahasa bukan sahaja dapat membantu pelajar mereka malah dapat memperkenalkan bahasa mereka kepada dunia. Jelaslah guru mampu mengubah kartun yang kompleks lukisannya dan memerlukan kemahiran seni dan ketelitian boleh diambil alih dengan lakaran kartun lidi yang boleh dilakukan dengan mudah dan santai. Pelajar juga boleh melakarnya dalam masa yang singkat. Watak-watak manusia, haiwan dan tumbuhan boleh dihasilkan dengan gaya kartun lidi. Aktiviti melukis kartun lidi memberi peluang pelajar menggunakan psikomotor kasar dan halus mereka. Aktiviti ini menjadikan mereka lebih fokus kepada tugas mereka.

IV. METODOLOGI

Bagi melaksanakan kajian ini, kaedah penyelidikan secara kuantitatif dan kualitatif telah digunakan. Maklumat-maklumat diperolehi daripada responden melalui borang soal selidik dan pemerhatian semasa ujian bertulis. Melalui ujian bertulis, pelajar diberikan tugas menulis karangan dengan tajuk yang sama sebelum dan selepas mempelajari teknik

KARDI. Menurut Ahmad Rushdi (2010) terdapat dua jenis asas penyelidikan untuk menghasilkan hasil kajian yang lebih berkualiti iaitu dengan menggunakan kajian kepustakaan dan kerja lapangan. Pengkaji turun padang dalam mencari hasil sebenar.

Persampelan

Pengkaji telah menggunakan kaedah persampelan secara bertujuan atau *purposive sampling*. Menurut kaedah ini, pelajar dipilih secara bertujuan di mana responden merupakan dari kumpulan tertentu, dan mempunyai ciri-ciri tertentu sebagai responden kajian. Dalam kajian ini, populasi

kajian ialah 30 orang pelajar tahap dua, yang terdiri daripada pelajar lelaki dan perempuan tahun lima di SK Tasik Puteri 2, Rawang. Seterusnya, 5 orang pelajar dari kumpulan tersebut iaitu pelajar yang mempunyai keputusan gred C dalam subjek penulisan Bahasa Melayu dipilih bagi menjalani ujian bertulis. Responden-responden dipilih berdasarkan senarai nama yang diguna pakai secara rasmi oleh pihak sekolah. Kumpulan yang terlibat dalam kajian ini mempunyai peluang yang setara dan kecekapan bahasa mereka juga sama.

Penganalisaan Data Kajian

Data kajian bagi borang soal selidik ini diperjelaskan dalam bentuk data kuantitatif dan telah dianalisis secara deskriptif melalui perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS)*. Bahagian A, B dan C telah dianalisis dalam bentuk kekerapan dan peratus. Manakala data ujian bertulis direkod sebelum dan selepas menggunakan teknik KARDI dan dijelmakan dalam bentuk peratus.

V. DAPATAN KAJIAN

JADUAL 1; DEMOGRAFI KAJIAN

Demografi		Kekerapan	Peratus
Jantina	Lelaki	14	46.7
	Perempuan	16	53.3
Umur			
Bahasa Yang digunakan di rumah	Bahasa Melayu	29	96.7
	Bahasa Inggeris	1	3.3
	Bahasa Lain-Lain	0	0
Keputusan	A	1	3.3
Bahasa Melayu yang Diperolehi	B	9	30
Semasa Peperiksaan	C	15	50
	D	3	10
	E	2	6.7
Pertengahan Tahun			

JADUAL 2: TABURAN MASALAH YANG DIHADAPI PELAJAR DALAM PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU (BAHAGIAN B)

Bil.	Item	AS		S		TP		TS		ATS	
		N	%	N	%	N	%	N	%	N	%
1.	Saya berminat untuk mempelajari Bahasa Melayu.	1	46	1	36	4	13	1	3.	0	0
		4	.7	1	.7	.3		3			
2.	Bahasa Melayu merupakan bahasa yang susah.	1	3.	4	13	1	40	7	23	6	2
		3		.3		2		.3		0	
3.	Saya menghadapi kesukahan semasa mempelajari Bahasa	3	10	6	20	1	33	8	26	3	1
						0	.3	.7		0	

	Melayu kerana saya tidak banyak membaca buku Bahasa Melayu.										
4.	Saya cepat lupa apa yang telah pelajari.	3	10	7	23	9	30	9	30	2	6.7
5.	Saya menghadapi masalah ketika hendak menulis karangan dalam Bahasa Melayu.	4	13	1	40	5	16	7	23	2	6.7
6.	Saya akan menggunakan pelbagai cara, asalkan saya dapat meningkatkan penguasaan Bahasa Melayu.	1	53	1	33	2	6	2	6	0	0
7.	Saya sering membuat nota tambahan semasa mengulang kaji Bahasa Melayu.	5	16	1	46	2	6	8	26	1	3.3
8.	Guru sering membantu saya jika saya bertanya soalan.	1	40	1	46	4	13	0	0	0	0
9.	Sekolah sering mengadakan program ke arah meningkatkan penguasaan Bahasa Melayu.	9	30	1	46	6	20	1	3	0	0
10.	Saya tetap akan mempelajari Bahasa Melayu walaupun terpaksa mengulang kajinya selalu.	1	40	1	50	2	6	1	3	0	0

Jadual 3: Taburan Persepsi Pelajar Mengenai Penggunaan Kartun Lidi Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu (Bahagian C)

Bil.	Item	AS		S		TP		TS		ATS	
		N	%	N	%	N	%	N	%	N	%

1.	Saya suka mempelajari Bahasa Melayu apabila menggunakan kartun lidi.	1	36	1	53	3	10	0	0	0	0
2.	Saya lebih memahami pembelajaran yang berbentuk perbualan.	1	36	1	43	5	16	0	0	1	3.3
3.	Saya lebih santai dengan pembelajaran melalui kartun lidi berbanding cara biasa.	7	23	1	63	4	13	0	0	0	0
4.	Saya kerap melukis kartun lidi.	6	20	1	46	1	3	8	26	1	3.3
5.	Kartun lidi menarik minat saya untuk mempelajari Bahasa Melayu.	8	26	1	60	4	13	0	0	0	0
6.	Kartun lidi amat membantu saya memperoleh perkataan baru.	6	20	2	66	4	13	0	0	0	0
7.	Lukisan kartun lidi memberi idea untuk saya menulis perkataan.	1	36	1	56	2	6	0	0	0	0
8.	Penggunaan kartun lidi yang bercakap memudahkan saya menulis perkataan baru untuk menulis karangan.	8	26	1	40	9	30	1	3	0	0

9..	Kartun lidi memberi saya peluang melukis sebelum menulis karangan.	6	20	1	60	3	10	2	6.	1	3.
				8					7		3
10	Pembelajaran melalui kartun lidi membantu saya meningkatkan kemahiran berfikir.	1	40	1	60	0	0	0	0	0	0
		2		8							

Bil	Responden	Pengalaman di Dusun Datuk	
		Sebelum	Selepas
1.	Responden 1	25/50 =50%	40/50 =80%
2.	Responden 2	15/50=30%	30/50=60%
3.	Responden 3	10/50=20%	48/50=96%
4.	Responden 4	25/50 =50%	48/50=96%
5.	Responden 5	5/50=10%	25/50= 50%

JADUAL 4: MARKAH RESPONDEN BAGI TAJUK 'PENGALAMAN DI DUSUN DATUK'

Bil	Responden	Berkelah di Tepi Pantai	
		Sebelum	Selepas
1.	Responden 1	28/50 = 56%	35/50 = 70%
2.	Responden 2	28/50 = 56%	48/50= 96%
3.	Responden 3	30/50 = 60%	42/50 = 84%
4.	Responden 4	30/50= 60%	48/50 = 96%
5.	Responden 5	30/50= 60%	48/50 =96%

JADUAL 5: MARKAH RESPONDEN BAGI TAJUK 'BERKELAH DI TEPI PANTAI'

VI. PERBINCANGAN

Persepsi Pelajar Terhadap Mata Pelajaran Penulisan Bahasa Melayu Secara Am Dan Kartun Lidi Secara Khas

Berdasarkan Jadual 2, majoriti pelajar merasakan bahawa mereka sangat berminat untuk mempelajari penulisan Bahasa Melayu. Majoriti pelajar juga beranggapan bahawa Bahasa Melayu tidak susah. Walaubagaimanapun, sukar bagi mereka menghasilkan penulisan Bahasa Melayu. Antara masalah penulisan Bahasa Melayu termasuklah gagal merangka plot dan idea berterusan, kurang pembendaharaan kata, lemah untuk mencipta ayat gramatis dan penggunaan masa yang lama untuk menghasilkan penulisan. Justeru, teknik KARDI diperkenalkan bagi pelajar ini untuk diaplikasikan dalam proses pembinaan karangan. Melalui teknik KARDI masalah penulisan Bahasa Melayu dapat

diatasi dan diperbaiki. Seperti contoh, KARDI menjadi alat penyelesaian bagi masalah responden yang kerap lupa akan isi pelajaran yang dibincangkan bersama guru atau pengalaman yang telah dilalui. Ini kerana KARDI diilhamkan melalui perbualan dan menjadikan proses pembelajaran menjadi santai dan ringan. Kedua, KARDI juga membantu responden mencipta perkataan dan idea dengan lebih pantas. Ini kerana, melalui teknik KARDI, responden akan merangka plot melalui kartun dari pendahuluan hingga penutup karangan. Apabila, plot sudah tersedia, KARDI membantu responden menyiapkan karangan dengan lebih pantas, teratur dan betul.

Keberkesanan Pembelajaran Penulisan Bahasa Melayu Menggunakan Kartun Lidi

Bagi menguji keberkesanan pelaksanaan kartun lidi dalam penulisan Bahasa Melayu, responden telah menjalani ujian bertulis dengan tajuk Pengalaman di Dusun Datuk, Berkelah di tepi Pantai dan Pengalaman di Pasar Malam. Berdasarkan Jadual 4 dan 5, terdapat perbezaan markah yang positif bagi penulisan Bahasa Melayu yang menggunakan kaedah Kardi. Dalam proses pembelajaran penulisan, penggunaan KARDI telah memberi peluang kepada responden tentang tajuk yang diberi bagi melahirkan idea, jalan cerita dan perkembangan isi seterusnya melengkapkan hasil penulisan mereka. Lakaran KARDI dapat merangsang minda pelajar mencipta perkataan dan rangkaian kata dan berakhirnya lahirnya idea yang menarik. Selain itu, responden merasai atau melukis sendiri KARDI dan melalui suasana yang menyeronokkan Penggunaan kartun lidi disarankan kerana setiap pelajar berpeluang melukis dan menghasilkan kartun lidi dalam waktu yang singkat kerana proses lakarannya mudah iaitu bentuk bulat dan garis lurus yang boleh dilentur dan boleh menggunakan pelbagai medium alat tulis.

Cadangan atau Penambahbaikan

KARDI sesuai dijalankan secara individu mahupun berkumpulan. Walaubagaimanapun, menurut pengalaman, KARDI secara berkumpulan lebih membuahkan idea dan menghasilkan plot cerita yang menarik. Walaubagaimanapun, KARDI secara individu juga perlu diamalkan bagi melatih pelajar menghadapi peperiksaan penulisan Bahasa Melayu yang sebenar. Kedua, sebelum teknik KARDI digunakan dalam penulisan, pelajar perlu diperkenalkan dengan lukisan-lukisan kartun lidi supaya pelajar tidak mengambil masa yang lama untuk melukis sesuatu bentuk kartun. Ketiga, para pelajar digalakkan membaca Bahan bacaan yang sesuai seperti buku cerita, majalah kanak-kanak, dan media massa bercetak harian untuk menarik minat pelajar melakar KARDI serta memberi idea. Pertandingan-pertandingan yang melibatkan KARDI juga boleh diadakan di sekolah bagi menggalakan para pelajar mengambil bahagian dan disediakan ganjaran.

VII. KESIMPULAN

Terdapat banyak kebaikan bagi pembelajaran melalui teknik KARDI. Selain itu, guru perlu menerapkan

teknik pembelajaran yang menarik bagi pelajar. Ini kerana, unsur pembelajaran yang menyeronokkan daripada seseorang guru kepada pelajarnya begitu besar impaknya. Pembelajaran yang menyeronokkan seperti teknik KARDI akan memberi keceriaan dalam aspek emosi pelajar sekaligus menjadikan pelajar lebih selesa, yakin diri, berani berbincang dan berinteraksi.

RUJUKAN

Abdul Rasyid Jamian, Humaizah Hashim & Shamsuddin Othman (Mei 2012) Persepsi Guru Terhadap

Penggunaan Kartun Dalam Transformasi Pengajaran Penulisan Karangan Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Universiti PutraMalaysia.

Ahmat Adam (2013) *Melayu, Nasionalisme Radikal dan Pembinaan Bangsa* Penerbit Universiti Malaya. Kuala Lumpur

Arndt Graf (2010) *Bahasa Melayu dan Jurnal Malaysia (Bidang Ilmu Kemanusiaan dan Sains Sosial dalam Indeks Antarabangsa)* Penerbit Universiti Sains Malaysia. Pulau Pinang.

Azura binti Mohd Nor & Sabariah binti Sharif (2014) Penggunaan Bahan Visual Di Kalangan Guru Teknikal *Jurnal Pemikir Pendidikan*. Vol. 5, pp. 79-98, ISSN 1985-3637. Universiti Malaysia Sabah.

Dahlia Janan, Husna Faredza, Khairul Azam, Mohd Ra'in, Zulkifli Osman (2004) Mengajar dan Belajar Bahasa Melayu. Penerbit Pendidikan Sultan Idris, Perak Darul Ridzuan.

Juriah Long. (2008) *Pendidikan Bahasa Melayu (Antara Hasrat dengan Pelaksanaan)*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi

Juriah Long. (2010) *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.